



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)

DEPUTY SECRETARY GENERAL (FINANCE)

Kementerian Kesihatan Malaysia

Ministry of Health Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 PUTRAJAYA

Tel :03-8883 2540

Faks :03-8889 5303

Ruj. Kami : KKM.100-1/6/14 Jld. 2 (1)

Tarikh : // September 2023

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Y.Bhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 4 TAHUN 2023**

**PENGURUSAN PEGAWAI BERMASALAH KESIHATAN
DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara pengurusan pegawai bermasalah kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berdasarkan garis panduan pengurusan intervensi bersepadu yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan dasar dan peraturan sedia ada, pegawai bermasalah kesihatan boleh diberikan cuti-cuti atas sebab perubahan mengikut Bahagian III, Perintah Am, Bab C seperti Cuti Sakit dan Cuti Sakit Lanjutan. Namun, terdapat pegawai bermasalah kesihatan masih memerlukan tempoh pemulihan dan tidak dapat berfungsi secara sepenuhnya setelah menghabiskan cuti-cuti yang pegawai layak.

3. Pada masa ini, terdapat pegawai bermasalah kesihatan melaksanakan skop tugas ringan, sama ada atas saranan Lembaga Perubatan atau berdasarkan laporan perubatan dan dokumen lain yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan. Namun begitu, istilah tugas ringan tiada diperuntukkan dalam mana-mana akta, peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa. Berikutan itu, istilah tugas ringan perlu digantikan dengan istilah pengubahsuaian tugas (*job modification*) bagi memastikan pelaksanaan selaras dengan garis panduan pengurusan intervensi bersepadu yang berkuat kuasa.

4. JPA telah mengeluarkan garis panduan pengurusan intervensi bersepadu pada September 2022 yang menetapkan prosedur operasi standard bagi mengurus kes pegawai yang mempunyai isu di tempat kerja, termasuk masalah kesihatan fizikal, psikologi dan mental. Sehubungan dengan itu, surat pekeliling ini dikeluarkan bagi menjelaskan pelaksanaan tatacara pengurusan pegawai bermasalah kesihatan di KKM bagi memastikan pelaksanaannya teratur, cekap dan berkesan.

PELAKSANAAN

5. Pengurusan pegawai bermasalah kesihatan hendaklah dilaksanakan mengikut empat (4) fasa berikut:

Bil.	Fasa	Peranan	Tempoh
(a)	Fasa 1: Kenal Pasti Ketua Jabatan melalui Pengurus Sumber Manusia (PSM) mengenal pasti dan mengarah pegawai-pegawai bermasalah kesihatan untuk menjalani intervensi bersepadu. Dalam konteks ini, Ketua Jabatan merujuk kepada Ketua Program/ Bahagian/ Unit di Ibu Pejabat KKM, Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah atau Ketua Institusi/ Hospital, Pegawai Kesihatan Daerah/ Bahagian/ Kawasan dan Ketua Penyelia Klinik.	Ketua Jabatan dan PSM	2 minggu

Bil.	Fasa	Peranan	Tempoh
	Contoh format surat arahan seperti Lampiran I. PSM menyediakan dokumen lengkap untuk rujukan Pegawai Psikologi dan surat lantikan Penyelia. Contoh format surat lantikan Penyelia seperti Lampiran II.		
(b)	Fasa 2: Saringan - Pegawai Psikologi bersama pihak berkaitan menjalankan saringan ke atas pegawai bagi menentukan permasalahan yang dihadapi sebelum menetapkan plan intervensi. - Pegawai bermasalah kesihatan boleh dirujuk kepada perkhidmatan profesional, contohnya pakar perubatan.	Pegawai Psikologi serta Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (UKKP) (<i>Occupational Safety and Health- OSH</i>)	3 minggu
(c)	Fasa 3: Intervensi dan Pemantauan Pihak berkaitan melaksanakan konsultasi, intervensi dan pemantauan terhadap pegawai berdasarkan plan intervensi.	Penyelia, Pegawai Psikologi, UKKP, dan/atau pengamal perubatan	3 – 6 bulan
(d)	Fasa 4: Penilaian Kebergunaan Pihak berkaitan menyediakan laporan pemantauan/ laporan intervensi untuk penilaian kebergunaan bagi tindakan susulan oleh PSM.	Ketua Jabatan, Penyelia, dan/atau Pegawai Psikologi	4 minggu

Nota: Penjelasan lanjut mengenai pelaksanaan dan dokumen yang perlu disediakan hendaklah dirujuk kepada garis panduan intervensi bersepadu yang dikeluarkan oleh JPA.

6. Bagi pelaksanaan intervensi bersepadu, pegawai bermasalah kesihatan hendaklah dirujuk kepada Pegawai Psikologi di jabatan atau fasiliti masing-masing. Bagi fasiliti yang tidak mempunyai Pegawai Psikologi, PSM boleh merujuk pegawai bermasalah kesihatan ke fasiliti yang berdekatan dengan tempat pegawai bertugas. Senarai jabatan dan fasiliti di KKM yang mempunyai Pegawai Psikologi adalah seperti **Lampiran III**.

7. Perkara-perkara yang perlu diteliti dalam pelaksanaan saringan terhadap pegawai bermasalah kesihatan adalah seperti berikut:

- (a) menilai status kesihatan pegawai berdasarkan *Maximum Medical Improvement* (MMI) bagi menentukan keupayaan dan peluang pegawai untuk sembuh mengikut prognosis penyakit atau masalah kesihatan yang dihidapi;
- (b) menilai kesesuaian skop tugas, penempatan dan persekitaran kerja semasa bagi pegawai;
- (c) mencadangkan pengubahsuaian tugas dalam lingkungan deskripsi tugas hakiki untuk pegawai bermasalah kesihatan dalam tempoh intervensi bagi membolehkan pegawai pulih dan kembali untuk berkhidmat sepenuhnya; dan
- (d) sekiranya masalah kesihatan berpunca daripada penempatan kerja, pegawai boleh diperakukan untuk pertukaran ke penempatan yang bersesuaian tanpa perlu menjalani intervensi.

8. Selepas pelaksanaan intervensi bersepadu, pegawai bermasalah kesihatan yang tidak dapat kembali berkhidmat sepenuhnya boleh disyorkan oleh Ketua Jabatan untuk tindakan susulan berikut:

- (a) pegawai yang masih belum disahkan dalam perkhidmatan boleh diperakukan untuk penamatan perkhidmatan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012;

- (b) pegawai diperakukan ke Lembaga Perubatan untuk dibersarakan atas sebab kesihatan;
- (c) pegawai ditukar lantik ke skim perkhidmatan lain berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.1.3.2 berkaitan Panduan Pertukaran Pelantikan; atau
- (d) pegawai diperakukan untuk dibersarakan demi kepentingan awam.

9. PSM hendaklah memastikan pelaksanaan intervensi bersepadu direkodkan mengikut format seperti **Lampiran IV**. Maklumat tersebut perlu dikumpul oleh Unit Sumber Manusia di Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat KKM/ Jabatan Kesihatan Negeri/ Hospital Kuala Lumpur/ Institusi pada akhir bulan Jun dan Disember setiap tahun.

TARIKH KUAT KUASA

10. Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

PERTANYAAN

11. Sebarang pertanyaan berhubung pelaksanaan surat pekeliling ini dan intervensi bersepadu boleh dikemukakan kepada:

Pelaksanaan Intervensi Bersepadu

Unit Psikologi Kaunseling
Bahagian Khidmat Pengurusan
Kementerian Kesihatan Malaysia
No. Telefon: 03-8883 2813/ 2875/ 2862

Pelaksanaan Surat Pekeliling

Unit Dasar dan Penyelarasan
Cawangan Dasar, Saraan dan Perjawatan
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia
No. Telefon: 03-8883 2946/ 2627/ 2838
E-mel: dp1_bsm@moh.gov.my

PENUTUP


12. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ tuan/ puan memaklumkan perkara ini kepada semua Pusat Tanggungjawab di bawah seliaan masing-masing adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI NORAZMAN AYOB)

b.p.: Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN IPKKM:

1. Pejabat YB Menteri Kesihatan
2. Pejabat YB Timbalan Menteri Kesihatan
3. Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan
4. Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
5. Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
6. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
7. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
8. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
9. Pengarah Kanan (Perkhidmatan Kesihatan Pergigian)
10. Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
11. Pengarah Kanan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
12. Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)
13. Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia)
14. Setiausaha Bahagian (Kewangan)
15. Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
16. Setiausaha Bahagian (Pembangunan Kompetensi)
17. Setiausaha Bahagian (Pengurusan Maklumat)
18. Setiausaha Bahagian (Pengurusan Latihan)
(Mohon panjangkan kepada semua Institusi Latihan KKM bawah BPL)
19. Setiausaha Bahagian (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)

20. Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Penswastaaan)
21. Setiausaha Bahagian (Akaun)
22. Pengarah (Perkembangan Perubatan)
23. Pengarah (Pembangunan Kesihatan Keluarga)
24. Pengarah (Perkhidmatan Kejuruteraan)
25. Pengarah (Kawalan Penyakit)
26. Pengarah (Perancangan)
27. Pengarah (Amalan Perubatan)
28. Pengarah (Sains Kesihatan Bersekutu)
29. Pengarah (Perkembangan Kesihatan Awam)
30. Pengarah (Pemakanan)
31. Pengarah (Perubatan Tradisional dan Komplementari)
32. Pengarah (Kejururawatan)
33. Pengarah (Pendidikan Kesihatan)
34. Pengarah (Kawalselia Radiasi Perubatan)
35. Penasihat Undang-undang
36. Ketua Audit Dalam
37. Ketua Unit Komunikasi Korporat
38. Ketua Unit Integriti

SENARAI EDARAN JKN

1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
2. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
3. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
4. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
5. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
6. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
7. Pengarah Kesihatan Negeri
Kesihatan Negeri Sembilan
8. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
9. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
10. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
11. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
12. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
13. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

14. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
15. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

SENARAI EDARAN INSTITUSI

1. Pengarah Hospital Kuala Lumpur
2. Pengarah Pusat Darah Negara
3. Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
4. Pengarah Institut Kanser Negara (IKN)
5. Pengarah Institut Kesihatan Negara (NIH)
6. Pengarah Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
7. Pengarah Institut Perubatan Respiratori
8. Pengarah Pusat Pergigian Kanak-kanak & Kolej Latihan Pergigian
9. Pengarah Hospital Tunku Azizah

**Lampiran Kepada Surat Pekeliling Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2023**

**PENGURUSAN PEGAWAI BERMASALAH KESIHATAN
DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**CONTOH/ FORMAT SURAT ARAHAN KEPADA PEGAWAI BERMASALAH
KESIHATAN BAGI MENJALANI INTERVENSI BERSEPADU
(disediakan oleh Pengurus Sumber Manusia)**

SULIT

Rujukan Kami :
Tarikh :

(Nama..... No..... K/P..... Jawatan..... dan.....
bahagian/jabatan/unit bagi pegawai.....
bermasalah kesihatan)
.....
.....

Tuan/Puan*,

ARAHAN MENJALANI INTERVENSI BERSEPADU

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tuan/puan* telah dikenal pasti untuk menjalani intervensi bersepadu selaras dengan garis panduan pengurusan intervensi bersepadu yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Intervensi bersepadu ini adalah langkah untuk memulihkan pegawai-pegawai yang mempunyai isu di tempat kerja seperti masalah kesihatan, melalui sokongan, intervensi dan pemantauan rapi oleh pihak-pihak yang berkaitan.

3. Tuan/Puan* adalah dikehendaki menjalani intervensi bersepadu ini yang dibahagikan kepada fasa-fasa seperti berikut:

- (i) Fasa Saringan oleh Pegawai Psikologi dan badan perkhidmatan professional berkaitan (3 minggu);
- (ii) Fasa Intervensi dan Pemantauan oleh Pegawai Psikologi, Penyelia serta badan perkhidmatan profesional berkaitan (3 hingga 6 bulan); dan

SULIT

SULIT

- (iii) Fasa Penilaian Kebergunaan oleh Pengurus Sumber Manusia, Pegawai Psikologi, Penyelia serta badan perkhidmatan profesional berkaitan (4 minggu).

4. Intervensi bersepadu ini adalah dikira sebagai sebahagian daripada tugas rasmi. Sepanjang tempoh intervensi ini, tuan/puan* hendaklah memberi kerjasama dan komitmen penuh, termasuk menghadiri sesi-sesi yang dijadualkan dan mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan (contohnya: Laporan Perubatan). Kegagalan menjalani sesi intervensi boleh menyebabkan tuan/puan* dikenakan tindakan tatatertib seperti mana yang ditakrifkan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu “Ingkar Perintah” dalam Sub-Perenggan 4(2)(i) kerana tidak menghadirkan diri untuk tugas rasmi.

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama dan komitmen tuan/puan* adalah mustahak bagi memastikan intervensi bersepadu dapat dijalankan secara efektif bagi membantu tuan/puan* untuk menyelesaikan isu-isu yang mengganggu kehidupan atau mencapai matlamat dalam kehidupan.

Sekian, terima kasih.

..(Tanda .. tangan, .. nama .. dan ..
.. jawatan Ketua Jabatan).....
.....

*Catatan: Sila potong mana yang tidak berkaitan di perkara bertanda *.*

SULIT

**CONTOH/ FORMAT SURAT LANTIKAN PENYELIA BAGI PEGAWAI
BERMASALAH KESIHATAN YANG MENJALANI INTERVENSI BERSEPADU
(disediakan oleh Pengurus Sumber Manusia)**

SULIT

Rujukan Kami :

Tarikh :

(Nama, Jawatan dan bahagian/jabatan/unit
bagi Penyelia)
.....
.....
.....

Tuan/Puan*,

**LANTIKAN SEBAGAI PENYELIA UNTUK PEGAWAI BERMASALAH KESIHATAN
YANG DIRUJUK UNTUK INTERVENSI BERSEPADU**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan*, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan dan melaksanakan garis panduan pengurusan intervensi bersepadu sebagai langkah dan tatacara untuk mengurus serta memulihkan pegawai-pegawai yang mempunyai isu di tempat kerja seperti masalah kesihatan. Pegawai di bawah penyeliaan tuan/puan* telah dikenal pasti dan dirujuk untuk menjalani intervensi bersepadu seperti mana berikut:

Nama Pegawai :

No. K/P :

Jawatan :

3. Justeru, tuan/puan telah dilantik sebagai Penyelia untuk pegawai berkenaan dalam pelaksanaan intervensi bersepadu. Intervensi bersepadu ini merangkumi fasa-fasa seperti berikut:

SULIT

- (i) Fasa Saringan oleh Pegawai Psikologi dan badan perkhidmatan professional berkaitan (3 minggu); atau
- (ii) Fasa Intervensi dan Pemantauan oleh Pegawai Psikologi, Penyelia serta badan perkhidmatan profesional berkaitan (3 hingga 6 bulan); dan
- (iii) Fasa Penilaian Kebergunaan oleh Pengurus Sumber Manusia, Pegawai Psikologi, Penyelia serta badan perkhidmatan profesional berkaitan (4 minggu).

4. Dalam tempoh pelaksanaan intervensi bersepadu, tuan/puan* adalah dimohon untuk memberi pelepasan kepada pegawai tersebut untuk menghadiri sesi-sesi yang telah dijadualkan oleh Pegawai Psikologi atau badan perkhidmatan profesional yang berkaitan. Selain itu, tuan/puan* perlu memberikan pemantauan rapi terhadap pegawai bersama dengan Pegawai Psikologi dan melengkapkan dokumen-dokumen yang berkaitan (Buku Log Harian, Laporan Perkembangan Berkala, Laporan Akhir Pemantauan). Sekiranya perlu, tuan/puan* dikehendaki untuk menghadiri sesi perbincangan bersama Pegawai Psikologi dan pihak-pihak yang berkaitan dalam meneliti isu yang dihadapi pegawai serta merangka intervensi atau langkah penyesuaian sewajarnya.

5. Sehubungan dengan itu, tuan/puan* adalah dimohon untuk bersama-sama memberi sokongan dan melaksanakan intervensi bersepadu bagi membantu pegawai menyelesaikan permasalahan dan isu yang dihadapi demi meningkatkan produktiviti serta motivasi pegawai. Kerjasama tuan/puan* berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

..(Tanda ..tangan, ..nama ..dan..
..jawatan Ketua Jabatan).....
.....

*Catatan: Sila potong mana yang tidak berkaitan di perkara bertanda *.*

SULIT

LAMPIRAN III

SENARAI JABATAN/ FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA YANG MEMPUNYAI PEGAWAI PSIKOLOGI

NEGERI/ INSTITUSI	FASILITI/ JABATAN/ BAHAGIAN/ INSTITUSI
Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM)	Bahagian Khidmat Pengurusan
	Bahagian Kawalan Penyakit
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya	Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
	Hospital Rehabilitasi Cheras
	Hospital Putrajaya
	Klinik Kesihatan Kuala Lumpur
	Klinik Kesihatan Jinjang
Hospital Kuala Lumpur	Hospital Kuala Lumpur
Perlis	Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
	Hospital Tuanku Fauziah
	Klinik Kesihatan Kuala Perlis
Kedah	Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
	Hospital Sultanah Bahiyah
	Hospital Sultan Abdul Halim
	Hospital Pendang
	Klinik Kesihatan Bandar Kuala Muda
Pulau Pinang	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
	Hospital Pulau Pinang
	Hospital Seberang Jaya
	Hospital Bukit Mertajam
	Klinik Kesihatan Butterworth
	Klinik Kesihatan Bandar Perda
	Klinik Kesihatan Jalan Perak
Perak	Jabatan Kesihatan Negeri Perak
	Hospital Raja Permaisuri Bainun
	Hospital Teluk Intan
	Hospital Slim River
	Hospital Seri Manjung
	Hospital Taiping
	Hospital Bahagia Ulu Kinta
	Pejabat Kesihatan Daerah Perak Tengah / Klinik Kesihatan Parit
	Klinik Kesihatan Hutan Melintang
Selangor	Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
	Hospital Tengku Ampuan Rahimah
	Hospital Ampang
	Hospital Serdang
	Hospital Selayang
	Hospital Sungai Buloh

NEGERI/ INSTITUSI	FASILITI/ JABATAN/ BAHAGIAN/ INSTITUSI
	Hospital Banting
	Hospital Kajang
	Hospital Shah Alam
	Hospital Cyberjaya
	Pejabat Kesihatan Daerah Klang
	Klinik Kesihatan Seri Kembangan
	Klinik Kesihatan Batu 9 Cheras
	Klinik Kesihatan Batu 14 Puchong
Negeri Sembilan	Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
	Hospital Tuanku Jaafar
	Hospital Tuanku Ampuan Najihah
	Hospital Port Dickson
	Klinik Kesihatan Bandar Seri Jempol
	Klinik Kesihatan Palong 7 & 8
	Klinik Kesihatan Rompin
Melaka	Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
	Hospital Melaka
	Klinik Kesihatan Peringgit
	Klinik Kesihatan Batu Berendam
	Klinik Kesihatan Masjid Tanah
	Klinik Kesihatan Alor Gajah
	Klinik Kesihatan Rembia
Johor	Jabatan Kesihatan Negeri Johor
	Hospital Sultanah Aminah
	Hospital Sultan Ismail
	Hospital Pakar Sultanah Fatimah
	Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom
	Hospital Sultanah Nora Ismail
	Hospital Kota Tinggi
	Hospital Segamat
	Hospital Permai
	Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru
	Klinik Kesihatan Larkin
	Klinik Kesihatan Pasir Gudang
	Klinik Kesihatan Ulu Tiram
	Klinik Kesihatan Skudai Baru
	Klinik Kesihatan Tampoi
	Klinik Kesihatan Batu Pahat
Pahang	Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
	Hospital Tengku Ampuan Afzan
	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah
	Hospital Kuala Lipis
	Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak
	Klinik Kesihatan Beserah
	Klinik Kesihatan Bandar Kuantan

NEGERI/ INSTITUSI	FASILITI/ JABATAN/ BAHAGIAN/ INSTITUSI
Terengganu	Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
	Hospital Sultanah Nur Zahirah
	Hospital Kemaman
	Hospital Dungun
	Klinik Kesihatan Kuala Besut
Kelantan	Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
	Hospital Raja Perempuan Zainab II
	Hospital Pasir Mas
	Hospital Kuala Krai
	Hospital Tanah Merah
	Klinik Kesihatan Pengkalan Chepa
Sarawak	Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
	Hospital Umum Sarawak
	Hospital Sibu
	Hospital Bintulu
	Hospital Miri
	Hospital Sri Aman
	Hospital Sentosa
	Pejabat Kesihatan Bahagian Miri
	Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching
	Klinik Kesihatan Tudan
	Klinik Kesihatan Petrajaya
Sabah	Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
	Hospital Queen Elizabeth
	Hospital Duchess of Kent
	Hospital Lahad Datu
	Hospital Tawau
	Hospital Wanita & Kanak-Kanak Likas
	Hospital Mesra Bukit Padang
	Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu
Wilayah Persekutuan Labuan	JKWP Labuan
	Klinik Kesihatan Labuan
Institut Kesihatan Negara	Institut Kesihatan Negara (<i>National Institute of Health- NIH</i>)
Institut Kanser Negara	Institut Kanser Negara
Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM)	ILKKM Sungai Buloh
	ILKKM Johor Bahru
	ILKKM Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta
	ILKKM Kuching
	ILKKM Kota Kinabalu

Catatan: Jabatan/ fasiliti dalam senarai ini adalah berdasarkan penempatan semasa Pegawai Psikologi di KKM dan tertakluk kepada perubahan. Sila buat semakan dan penyelarasan dengan jabatan kesihatan negeri/ fasiliti yang berkaitan sebelum merujuk pegawai bermasalah kesihatan ke jabatan/ fasiliti tersebut.

LAMPIRAN IV

REKOD MAKLUMAT PEGAWAI BERMASALAH KESIHATAN YANG DIRUJUK UNTUK INTERVENSI BERSEPADU

Bil.	Nama	No. K/P	Umur	Jawatan	Gred	Penempatan/ Jabatan/ Unit	PTJ	Penyakit/ Masalah Kesihatan	Jumlah Cuti Sakit Yang Telah Diambil	Tarikh Diagnosis Penyakit/ Masalah Kesihatan	Jabatan/ Fasiliti Yang Dirujuk untuk Intervensi Bersepadu	Tarikh Mula Intervensi Bersepadu	Jenis Intervensi Diberikan	Tempoh Fasa Intervensi dan Pemantauan	Ulasan Ringkas/ Perakuan Pakar Perubatan/ Pengamal Perubatan	Status Semasa Prestasi Pegawai/ Tindakan Susulan Selepas Penilaian Kebergunaan